

Kerajaan sediakan RM210 juta untuk bioteknologi

KUALALUMPUR 1 Sept. - Kerajaan memperuntukan RM210 juta bagi pembangunan sektor bioteknologi yang menjadi sumber pertumbuhan baru yang diberikan tumpuan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Di antara program utama adalah menyediakan sejumlah RM60 juta geran padanan (matching grant) bagi Program Pemerolehan Bioteknologi, kata Perdana Menteri Datuk Abdullah Ahmad badawi di sini hari ini.

Beliau berkata, peruntukan itu melibatkan RM30 juta lagi kepada syarikat penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan syarikat antarabangsa untuk tujuan pengkomersialan di bawah Dana Pengkomersialan Bioteknologi.

"Disamping itu, RM59 juta disediakan di bawah inisiatif R&D untuk genomics dan molecular biology, penghasilan produk

pharmaceutical dan nutraceutical serta memajukan aktiviti agro-biotechnology," kata Abdullah semasa membentangkan Bajet Negara 2007 di Parlimen di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kerajaan telah menubuhkan Inno Bio Ventures untuk melabur dan memberi latihan dalam bidang bioteknologi menerusi kewujudan Bio Innovation Centre di Nilai, Negeri Sembilan untuk menyediakan kemudahan penempatan dan peralatan yang diperlukan oleh syarikat baru bioteknologi.

Bagi menggalakkan pelaburan baru dalam aktiviti bioteknologi, kerajaan mencadangkan galakan baru dan galakan sedia ada ditambah baik, antaranya syarikat bionexus diberikan pengecualian cukai pendapatan selama 10 tahun, jelas Abdullah.

Selepas tamat tempoh pengecualian

cukai itu, katanya, syarikat bionexus dikenakan cukai pada kadar konsesi 20 peratus bagi 10 tahun lain dan potongan cukai bersamaan pelaburan dalam bentuk modal permulaan dan peringkat awalan kepada firma atau individu yang melabur dalam syarikat bionexus.

Syarikat bionexus yang melakukan penggabungan dan pengambil alihan dengan firma bioteknologi pula diberikan pengecualian duti setem dan cukai keuntungan harta tanah dalam tempoh lima tahun, jelasnya.

Bangunan yang digunakan untuk aktiviti penyelidikan berkaitan, bioteknologi diberikan Elaun Bangunan Industri Dipercepatkan dengan kos pembinaan atau pembelian bangunan dihapus kira dalam tempoh 10 tahun, kata beliau.